

Anwar terbuka terima sebarang teguran

PELBAGAI kata-kata sinis yang dilemparkan kepada kerajaan akhir-akhir ini antaranya tidak menghiraukan pendapat rakyat, pantang dikritik selain suka mengikut kepala sendiri.

Walaupun bagaimanapun dakwaan tersebut dilihat sengaja dicipta hanya kerana tidak berpuas hati dengan pemerintahan Kerajaan Perpaduan selain untuk mencetuskan tanggapan buruk dalam kalangan rakyat.

Sedangkan jika dilihat sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengalu-alukan sesiapa sahaja termasuk penjawat awam agar memberikan input sekiranya merasakan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri dirasakan tidak bijak.

“Mana-mana keputusan, kalau saudara merasakan ini keputusan Jemaah Menteri yang tidak bijak, jadi segera bagi input, tetapi apabila keputusan sudah dibuat penjawat awam mesti jalankan dasar yang dibuat dan ini dasar baharu bukan sahaja bagi saudara, malah kepada saya juga,” katanya

Dalam masa sama, bukan hanya



ANWAR hadir pada Sesi Town hall Lebaran Aidilfitri Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) bersama Perdana Menteri.

menegur atau boleh mengkritik secara baik, kerajaan juga perlu sokongan daripada penjawat awam dalam memperbaiki lagi kelemahan yang ada.

“Dasar-dasar dan segala inisiatif yang diperkenalkan

oleh kerajaan yang memerintah pastinya sentiasa didukung sepenuhnya oleh para penjawat awam bagi memastikan ia dapat dilaksanakan dengan berkesan serta mencapai objektif yang diharapkan.

Beliau berkata demikian pada Sesi Townhall Lebaran Aidilfitri Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) bersama Perdana Menteri baru-baru ini.

Anwar turut menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kerana kerjasama penuh dalam kalangan pegawai tadbir dan diplomatik (PTD) dalam melaksanakan urusan pentadbiran negara.

Tiada istilah kerajaan ikut kepala sendiri memandangkan sudah berkali-kali PM menyatakan beliau sentiasa terbuka menerima cadangan daripada semua pihak termasuk pembangkang.

Namun sebelum ini beliau pernah menjelaskan menolak serangan secara maki memandangkan tidak sepatutnya sesiapa sahaja termasuk pemimpin mengeluarkan perkataan tidak elok termasuklah membuat fitnah.

Malah beliau berkata sedia menerima kritikan kerana sebagai Perdana Menteri tidaklah semua perkara yang dilakukan adalah betul.